KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

KKDW METERAI 16 MoU PERKASAKAN INDUSTRI TVET

AYER KEROH, 27 September 2024 –16 Memorandum Persefahaman (MoU) untuk transformasi Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan syarikat swasta dimeterai dalam usaha memperkasakan industri TVET di bawah Kementerian.

Pemeteraian memorandum ini melibatkan 16 rakan industri strategik termasuk dari Jepun seperti Aichi Daihatsu Co. Ltd, Nippon Paint Sdn. Bhd, Sime Kansai Paints Sdn. Bhd, Boon Siew Honda Sdn. Bhd., White Horse Ceramic Industries Sdn. Bhd., Times Ceramica Sdn. Bhd., CTRM Aero Composites Sdn. Bhd., Advance Retro Solution Sdn. Bhd., Emerald Auto Parts Sdn. Bhd., Tapio Management Advisory Sdn, Bhd., Asia RV Sdn. Bhd., Bufori Motor Car Company Sdn. Bhd., Gruppe Dynamic Sdn. Bhd,. Prima Merdu Sdn. Bhd., Keysight Technologies Sdn. Bhd., Runcloud Sdn. Bhd., Divestuff International Sdn. Bhd.

Sesi pertukaran memorandum ini disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Melalui memorandum ini, rakan strategik industri akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program di Institusi Pendidikan TVET@ KKDW melalui program perantisan, pentauliahan pusat latihan,

pemindahan teknologi, pembangunan dan penggunaan teknologi digital, penempatan pekerjaan dan pembangunan modal insan.

Penglibatan dan kerjasama ini akan mencakupi pelbagai bidang utama di dalam program TVET di bawah Institusi Pendidikan KKDW seperti automotif, industri, komposit aeroangkasa, industri 4.0, kenderaan elektrik, keselamatan siber, teknologi digital, latihan selaman serta pembangunan kapasiti bakat.

Menurut YAB Dato' Seri Dr. Datuk Seri Ahmad Zahid yang juga Pengerusi MTVET, dengan kerjasama ini, pemain industri dapat menaik taraf institusi pendidikan TVET dengan menyediakan peluang lebih besar kepada pelajar meningkatkan keupayaan dalam bidang baharu dan mengoptimumkan penggunaan sumber merentasi kedua-dua sektor tersebut.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW 2024 (Ekspo TVET@KKDW 2024) yang menjadi platform bagi promosi secara tahunan program TVET yang ditawarkan oleh Agensi dan Institusi Pendidikan di bawah KKDW.

Ekspo ini merupakan jalinan kolaborasi antara pihak KKDW dengan pihak Majlis TVET Negara (MTVET) dan pihak Kerajaan Negeri Melaka sebagai antara pemangkin usaha Kerajaan memartabatkan TVET.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya ibu bapa serta pelajar dan seterusnya menarik minat pelajar untuk menyertai program TVET yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

Ekspo yang memasuki tahun ke-6 pelaksanaannya oleh KKDW ini, dalam rangka usaha memperkasa agenda TVET nasional menerusi inisiatif yang komprehensif serta berimpak tinggi, selari dengan Pelan Tindakan Dasar TVET Negara 2030 di bawah MTVET.

Penganjuran ekspo ini melibatkan penyertaan dan kerjasama daripada 279 Institusi Pendidikan TVET@KKDW, di bawah tujuh Agensi KKDW termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA); Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA); Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS); Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA); Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA); Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

Pengisian aktiviti ekspo difokuskan kepada enam zon iaitu pameran Agensi dan Institusi serta demonstrasi kemahiran; cabaran kemahiran dan fesyen; Industri dan kolaborasi; teknousahawan dan jualan; seminar dan kerjaya serta komuniti dan perkhidmatan.

Selain itu, sesi temuduga terbuka MyFutureJobs menawarkan 2,000 peluang pekerjaan melalui 20 majikan sepanjang ekspo berlangsung.

Ekspo bertemakan `Pilihan Kemahiran Anda' yang diadakan secara hibrid ini menyasarkan lebih 300 ribu pengunjung selain menjangkakan peningkatan enrolmen pelajar ke Institusi Pendidikan TVET@KKDW sebanyak 10% pada tahun 2025.

Sempena ekspo ini juga pasukan Selenggaraan Elektrik Rumah Impian (SERI) yang terdiri daripada pelatih dan tenaga pengajar GIATMARA

Bukit Katil, GIATMARA Masjid tanah, IKM Jasin dan PERDA-TECH menyantuni penduduk setempat khususnya golongan B40 dengan memberikan perkhidmatan percuma selenggaraan elektrik kediaman supaya berada dalam keadaan selamat.

Program SERI yang berbentuk khidmat masyarakat ini diselaraskan bersama KEMAS dan pemimpin setempat.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
27 September 2024